



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
**KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM**  
**05604 ALOR SETAR**  
**KEDAH DARUL AMAN**

Telefon : 04-740 4000  
Faks : 04-740 4342  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

## **“MUAFAKAT KEDAH”**

Ruj.Kami: JPK.SKPP.UNP.500-3/13/1(8)  
Tarikh : 4 Disember 2017

Semua Pegawai Pendidikan Daerah  
Semua Pengetua Sekolah Menengah  
Semua Guru Besar Sekolah Rendah  
Negeri Kedah Darul Aman.

Tuan/Puan,

### **URUSAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PPP) SECARA TIME-BASED BERASASKAN KECEMERLANGAN (TBBK) DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

- i) **URUSAN GRED DG32 HINGGA GRED DG 54 JANUARI HINGGA JUN 2018**
- ii) **URUSAN GRED DG44 (EX-PPPLD) JANUARI HINGGA JUN 2018**
- iii) **URUSAN GRED DG48 (EX-PPPLD) JANUARI HINGGA JUN 2018**

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat Kementerian Pendidikan Malaysia **KPMSP.BPSM.S.500-1/2/18 (10)** bertarikh 28 November 2017 mengenai perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Kementerian Pendidikan Malaysia **sedang mengiklankan** Urusan Kenaikan Pangkat secara Time-Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK) bagi gred seperti yang dinyatakan di atas **melalui sistem kenaikan pangkat ePangkat bermula dari 4 Dismber 2017 hingga 10 Januari 2018**.

3. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang **layak diperakukan** seperti berikut :-

- 3.1 **URUSAN GRED DG32 HINGGA DG 54 JANUARI HINGGA JUN 2018**
- (a) Gred DG52 ke Gred DG54 - N/Pangkat Gred DG52(1.1.2015 - 30.6.2015)
  - (b) Gred DG48 ke Gred DG52 - N/Pangkat Gred DG48(1.6.2012 - 30.6.2012)
  - (c) Gred DG44 ke Gred DG48 - N/Pangkat Gred DG44(1.1.2010 - 30.6.2010)
  - (d) Gred DG41 ke Gred DG44 - Lantik Gred DG41(1.1.2010 - 30.6.2010)
  - (e) Gred DG34 ke Gred DG38 - N/Pangkat Gred DG34(1.1.2013 - 30.6.2013)
  - (f) Gred DG32 ke Gred DG34 - N/Pangkat Gred DG32(1.1.2010 - 30.6.2010)
  - (g) Gred DG29 ke Gred DG32 - Lantik Gred DG29(1.1.2010 - 30.6.2010)

**“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung



**3.2 URUSAN GRED DG44 (EX-PPPLD) JANUARI HINGGA JUN 2018**

- (a) Lantikan Gred DG41(1.1.2013 - 30.6.2013)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 3 tahun)
- (b) Lantikan Gred DG41(1.1.2012 - 30.6.2012)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 2 tahun)
- (c) Lantikan Gred DG41 (1.1.2011- 30.6.2011)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 1 tahun)

**3.3 URUSAN GRED DG48 (EX-PPPLD) JANUARI HINGGA JUN 2018**

- (a) N/Pangkat Gred DG44(1.1.2013 - 30.6.2013)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 3 tahun)
- (b) N/Pangkat Gred DG44(1.1.2012 - 30.6.2012)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 2 tahun)
- (c) N/Pangkat Gred DG44 (1.1.2011 - 30.6.2011)
  - (Tempoh pengalaman PPPLD genap 1 tahun)

**Nota :- (Sila rujuk lampiran A2 dan A3 bagi urusan diatas)**

**Nota :- (Bagi para 3.3 hanya layak untuk PPP yang belum menggunakan pengalaman PPPLD semasa kenaikan ke gred DG44 sahaja)**

4. Adalah diingatkan sebelum memperakarkan pegawai yang layak, tuan/puan diminta menyemak semula maklumat-maklumat perkhidmatan pegawai yang terlibat dikemaskini dengan tepat di dalam sistem eOperasi. Disamping itu, maklumat pegawai perlu dikemaskini didalam sistem ePangkat dengan betul, lengkap dan tepat berpandukan kepada surat-surat yang berkaitan atau berdasarkan maklumat dari Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK). Antara maklumat pegawai yang perlu diisi dan dikemaskini seperti berikut :-

**4.1) Maklumat Peribadi :-**

- a) Maklumat pegawai
- b) Maklumat pasangan

**4.2) Maklumat Pengisytiharan Harta yang terkini :-**

(Terkini @ Tahun 2014 dan ke atas)

- (a) Tarikh istihar
- (b) Tarikh lulus
- (c) Rujukan surat

**4.3) Maklumat Perkhidmatan PPPLD/PPPS :-**

- (a) Gred Hakiki Jawatan
- (b) Gred Hakiki Penyandang
- (c) Tarikh Lantikan Gred DGA29
- (d) Tarikh Sah Perkhidmatan Gred DGA 29
- (e) Tarikh Lantikan Gred DG41
- (f) Tarikh Sah Perkhidmatan Gred DG41
- (g) Tarikh dinaikkan pangkat ke gred yang lebih tinggi (jika ada)
- (h) Jenis laluan kenaikkan pangkat (pastikan betul)

**4.4) Maklumat Cuti (Pastikan diisi tarikh mula dan tarikh akhir serta sebab-sebab cuti) :-**

- (a) Cuti Tanpa Gaji (CTG) kecuali Cuti Belajar
- (b) Cuti Separuh Gaji (CSG) kecuali Cuti Belajar
- (c) Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG)
- (d) Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBG)
- (e) Cuti Sakit Kronik
- (f) Cuti Bersalin (Anak ke 6 kali ke 6 sahaja dan seterusnya sahaja)

**4.5) Maklumat Akademik iaitu :-**

- (a) Tahun Kelayakan
- (b) Peringkat Kelulusan
- (c) Institusi
- (d) Pengkhususan

**4.6) Maklumat pengalaman kerja :-**

- (a) Gelaran Jawatan
- (b) Gred Jawatan
- (c) Tahun pengalaman
- (d) Tempat bertugas
- (e) Tarikh mula
- (f) Tarikh akhir

**4.7) Maklumat prestasi tahunan dari Tahun 2010 hingga Tahun 2016.**

**4.8) Borang Akuan Pilihan TBBK Ex-PPPLD**

Borang ini perlu diisi oleh calon, diimbas (scan) dan dimuat naik dalam halaman ini bagi PPP Gred DG41 yang layak diperaku urusan kenaikan pangkat secara TBBK Ex-PPPLD Gred DG44.

**4.9) Halaman Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK)**

Helaian buku yang berkenaan perlu diimbas (scan) dan dimuat naik dalam halaman-halaman telah yang disediakan seperti berikut:-

**4.9.1) BAGI KE GRED DG32 DAN GRED DG44 :-**

- (a) Halaman pertama – (Kulit depan BPK dan tarikh lantikan tetap Gred DG29 atau Gred DG41)
- (b) Halaman 2 – (Helaian tarikh sah dalam jawatan Gred DG29 atau Gred DG41)
- (c) Halaman 3 – (Helaian terakhir Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) terkini yang telah dikemaskini

**4.9.2) BAGI KE GRED DG34 - DG38 DAN GRED DG48 - DG54**

- (a) Halaman pertama – (Kulit depan BPK dan tarikh lantikan tetap Gred DG29 atau Gred DG41)
- (b) Halaman 2 – (Helaian tarikh sah dalam jawatan Gred DG29 atau Gred DG41 dan tarikh Naik Pangkat gred terakhir)
- (c) Halaman 3 – (Helaian terakhir Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) terkini yang telah dikemaskini

**4.9.3) BAGI KE GRED DG44 (EX-PPPLD) DAN GRED DG48 (EX-PPPLD)**  
iaitu :-

- (a) Halaman 1 – Kulit depan BPK, tarikh lantikan tetap Gred DG29 dan tarikh sah dalam jawatan Gred DG29
- (b) Halaman 2 – Helaian tarikh lantikan Gred DG41 dan tarikh sah dalam jawatan Gred DG41 dan tarikh Naik Pangkat Gred DG44
- (c) Halaman 3 – Helain terakhir Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) terkini yang telah dikemaskini

**Nota:- (Tarikh lantikan GST/GSTT/Sementara tidak diambil kira bagi tujuan kenaikan pangkat)**

5. Tuan/puan sebagai Ketua Jabatan dikehendaki memperakukan semua PPP yang layak mengikut syarat iklan serta memperolehi markah wajaran LNPT tiga (3) tahun terakhir dan markah Kriteria Kecemerlangan (KC) 80% ke atas. Bagi yang memperolehi markah (KC) 79.99% ke bawah, tuan/puan dikehendaki memaklumkan kepada pegawai berkenaan untuk membuat rayuan dengan kadar SEGERA, supaya rayuan tersebut dapat dikemukakan ke Panel Rayuan dan keputusan rayuan dapat dibuat sebelum tarikh tutup iklan iaitu sebelum atau pada 10 Januari 2018 (Rabu).
6. Adalah diingatkan bahawa PPP yang layak diperaku urusan kenaikan pangkat secara TBBK, ULASAN DIPERAKU/TIDAK DIPERAKU WAJIB DIISI semua peringkat dalam ePangkat semasa perakuan dibuat. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan urusan kenaikan pangkat pegawai tidak dapat diproses.
7. Untuk makluman juga, semua perakuan kenaikan pangkat hendaklah diperaku menerusi sistem ePangkat KECUALI pegawai dalam keadaan berikut yang perlu diperakukan SECARA MANUAL iaitu :-
  - a) Pegawai yang mengambil Cuti Belajar Bregaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) atau Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);
  - b) Pegawai yang telah diluluskan Cuti Separuh Gaji (CSG) dan/atau Cuti Tanpa Gaji (CTG) – sila kemukakan sesalinan surat kelulusan CTG/CSG oleh Ketua Jabatan;
  - c) Pegawai yang telah dikenakan **pelanjutan tempoj percubaan dengan Berdenda (TPB)** – sila kemukakan sesalinan surat pengesahan TPB oleh Ketua Jabatan;
  - d) Pegawai yang **PERNAH DIPERAKU TETAPI GAGAL** dalam urusan berkenaan kerana markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) / Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) / Penilaian Tahap Kecemerlangan (KC) tidak mencapai tahap yang ditetapkan;
  - e) Pegawai yang didapati Tidak Hadir Bertugas (THB) bagi sesuatu tempoh Tanpa Sebab atau Tanpa Kelulusan/Kebenaran Ketua Jabatan dan tindakan potongan emolument yang telah diambil BOLEH DIPERAKU dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang lengkap berdasarkan keputusan LKPPP Bilangan 5 Tahun 2017; dan
  - f) Pegawai yang layak dipertimbangkan kenaikan pangkat **SEBELUM bersara wajib / bersara pilihan / meninggal dunia yang diperaku oleh Ketua Jabatan**.

7. Sehubungan ini, adalah diingatkan juga bahawa PPP yang sedang disiasat/ dalam prosiding tatatertib/ telah dikenakan tindakan tatatertib **TIDAK BOLEH DIPERAKU** dalam urusan kenaikan pangkat sehingga keputusan tatatertib diperolehi dan kes selesai.

8. Adalah juga dimaklumkan bahawa PPP yang berada di dalam Jawatan Kumpulan (Pool) dan memperoleh markah yang layak diberi pertimbangan untuk kenaikan pangkat **DITANGGUHKAN TERLEBIH DAHULU KENAIKAN PANGKAT SEHINGGA PEGAWAI DIKELUARKAN DARI JAWATAN KUMPULAN (POOL) DAN DITEMPATKAN MELAKSANAKAN TUGAS HAKIKI DI JABATAN ATAU SEKOLAH**.

9. Adalah diingatkan, Ketua Jabatan hendaklah memastikan hanya calon yang **BELUM PERNAH DIPERAKU** dalam mana-mana urusan kenaikan pangkat **GRED YANG SAMA** sebelum ini diperakuan dalam urusan TBBK. Ketua Jabatan juga perlu memastikan maklumat yang dikemukakan adalah **LENGKAP DAN TERATUR SAMA SEPERTI DALAM BPK**. Kecualian dalam memperakukan semua calon yang telah pun dinaikkan pangkat bagi urusan ini akan dipertanggungjawabkan kepada Ketua Jabatan berkenaan. Ketua Jabatan dimohon supaya memastikan **SEMUA PEGAWAI YANG LAYAK DIPERTIMBANGKAN BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA TBBK** bagi mengelakkan sebarang keciciran berulang.

10. Sebarang pertanyaan sila hubungi:-

- 10.1 **Puan Sofiah binti Saad** di talian 04-7404152  
Urusan kenaikan pangkat ke Gred DG32 hingga Gred DG38
- 10.2 **Puan Sahida binti Abd. Samad** di talian 04-7404149  
Urusan kenaikan pangkat ke Gred DG41 ke Gred DG44
- 10.3 **Encik Shamsulnazli bin Nayan** di talian 04-7404151  
Urusan kenaikan pangkat Gred DG48 ke Gred DG52  
Urusan kenaikan pangkat Gred DG52 ke Gred DG54  
Urusan kenaikan pangkat Gred DG41 ke Gred DG44 (Ex-PPPLD)  
Urusan kenaikan pangkat Gred DG44 ke Gred DG48 (Ex-PPPLD)

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“MUAFAKAT KEDAH”**

**“PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,

  
**( SAIDI BIN SHAARI )**

Ketua Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan,  
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman.

**s.k :-**

- 1) Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman
- 2) Semua Ketua Sektor
- 3) Semua penyelia ICT di PPD